

08 MAY 2003

Mahathir-Abdullah/I

ABDULLAH LULUS DENGAN CEMERLANG, KATA DR MAHATHIR

BINTULU, 8 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah melaksanakan tugas dengan cemerlang selaku Pemangku Perdana Menteri selama dua bulan yang lepas.

"Saya fikir beliau lulus dengan cemerlang. Semasa saya bercuti, beliau tidak bertanya saya mengenai apa-apa isu. Beliau mampu menguruskannya sendiri," kata Perdana Menteri pada sidang media selepas merasmikan Kompleks Bersepadu Petronas di sini.

Dr Mahathir berkata walaupun Abdullah melaporkan kepadanya beberapa perkara, segala keputusan dibuat sendiri oleh timbalannya itu.

"Kalau boleh, saya mahu bercuti lebih lama lagi," katanya.

Mengenai laporan majalah Britain, The Economist, yang mempertikaikan prestasi Abdullah, Perdana Menteri berkata majalah itu tidak wajar dipetik.

Dr Mahathir berkata jika The Economist benar-benar ikhlas, ia sepatutnya memberi pujian kepada Malaysia kerana negara ini mencatat kemajuan yang jauh lebih baik dari negara-negara lain yang mencapai kemerdekaan pada masa yang sama.

"Mereka tidak berpuas hati. Mereka suka melihat kita berbalah sesama sendiri seperti di Afrika. Tidak ada gunanya untuk menyakinkan mereka tentang apa-apa saja. Sikap orang putih lebih pandai daripada orang sawo matang," katanya.

Dr Mahathir berkata The Economist juga tidak mempunyai sebarang kata-kata baik terhadap beliau.

"Biarlah dia laga orang. Saya tidak akan menjawab perkara yang bodoh macam ini," katanya.

Dalam terbitannya pada 5 April lepas, majalah yang berpangkalan di London itu memperkecil-kecilkan dasar serta program yang dilaksanakan oleh kerajaan pimpinan Dr Mahathir selain mempertikaikan kemampuan Abdullah sebagai pemimpin.

Perdana Menteri berkata orang seperti itu akan melakukan apa saja kerana mereka berpendapat mereka boleh mencetuskan perubahan rejim di negara ini.

"Ini kerana, semua negara pada masa ini terdedah kepada pertukaran rejim dan mencari pemimpin yang sanggup bersekongkol dengan mereka.

Dr Mahathir berkata Abdullah tidak tunduk kepada mereka.

"Beliau mungkin tidak akan disukai oleh mereka," katanya.

Mengenai pelantikan Abdullah sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata beliau akan berundur penghujung Oktober ini.

"Saya berharap untuk bersara selepas mesyuarat OIC (Pertubuhan Persidangan Islam) tetapi saya telah diminta oleh beberapa negara supaya terus berkhidmat," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau mendapati bahawa semasa peperangan di Iraq, media Barat bijak membuat pembohongan dan memberikan gambaran yang berbeza, tanpa melaporkan tentang kesengsaraan rakyat Iraq.

"Demokrasi barat bermaksud memotong kaki dan tangan manusia," katanya.

Ketika ditanya mengenai idea-idea baru semasa bercuti, Dr Mahathir berkata beliau mempunyai beberapa perkara baru hasil daripada apa yang dilihatnya di luar negara dan yang boleh dibawa ke negara ini seperti dalam bidang industri.

"Tapi, saya punya masa tinggal enam bulan," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau mahu pembangunan dibawa ke luar bandar bagi membolehkan penduduk di situ menikmati kemajuan yang dicapai oleh

negara.

Jika kerajaan cuma menumpukan pembangunan di bandar, maka penduduk luar bandar akan ketinggalan apabila negara membangun, katanya.

-- BERNAMA

FLL MAI